

Bekas pelajar Wak Tanjung jaya raih PhD Sains Biologi

► **SHAHIDA SARHID**
sshahida@sph.com.sg

TIDAK pernah terlintas di fikiran Cik Nisha Mohd Rafiq bahawa satu hari nanti beliau akan dapat meneruskan pengajian di Universiti Nasional Singapura (NUS).

Rasanya ia satu mimpi yang sukar menjadi kenyataan.

Hari ini, beliau bukan sahaja boleh berbangga impian itu jadi nyata, malah juga boleh berbangga kerana berjaya meraih gelaran Doktor Falsafah dalam Sains Biologi yang ditawarkan buat pertama kalinya bersama universiti tersebut dengan King's College London di bawah Biasiswa Kajian NUS.

Bukan itu sahaja, kejayaannya yang cukup membanggakan itu menjadikannya pilihan tepat sebagai penyampai ucapan atau valediktorian semasa majlis konvokesyennya esok.

Ini juga kali kedua beliau dipilih sebagai valediktorian, dengan kali pertama selepas tamat pengajian ijazah sarjana mudanya.

Semasa menjadi calon PhD, anak sulung tiga beradik berusia 28 tahun ini yang juga gigih mencari huraian bagi mencegah barah, telah menjadi penulis bersama empat kertas kajian dalam jurnal antarabangsa termasuk 'The Journal of Cell Biology.'

Semua ini bermula apabila beliau mengambil langkah berani meneruskan pengajiannya di Politeknik Temasek dalam jurusan bioteknologi/bioperubatan, hanya semata-mata minatnya yang mendalam dalam subjek sains.

Menurutnya selepas peperiksaan GCE peringkat O, beliau di persimpangan sama ada ingin mengikuti pengajian ke peringkat A atau ke politeknik.

"Semasa di politeknik, saya tidak tahu kursus apa yang perlu saya ikuti. Yang saya tahu saya hanya suka sains," ujarnya.

Minatnya terhadap mata pelajaran itu sebenarnya telah berputik sejak di bangku sekolah rendah lagi di mana beliau menuntut di Madrasah Wak Tanjung Al-Islamiah.

Ketika di sekolah menengah di madrasah yang sama itu, beliau telah memelopori penubuhan kelab sains di madrasah tersebut.

Kejayaannya yang memberangsangkan di politeknik kemudian merintis jalan untuknya mengikuti jurusan Sains Hayat di NUS.

"Jika dilihat kembali, pilihan saya untuk mengikuti laluan akademik merupakan satu risiko yang saya ambil kerana ingin terus mendalami subjek Sains.

"Saya selalu terfikir mengapa tidak ambil sahaja risiko ini kerana sekiranya saya tidak meraih ke-

"Jika dilihat kembali, pilihan saya untuk mengikuti laluan akademik merupakan satu risiko yang saya ambil kerana ingin terus mendalami subjek Sains. Saya selalu terfikir mengapa tidak ambil sahaja risiko ini kerana sekiranya saya tidak meraih kejayaan sekular, saya mempunyai laluan ukhrawi sebagai sandaran."

– **Cik Nisha Mohd Rafiq.**

jayaan sekular, saya mempunyai laluan ukhrawi sebagai sandaran," ujarnya

Ternyata pilihan itu bertepatan kerana saintis muda ini bakal melanjutkan pengajiannya di universiti terkemuka dunia.

Cik Nisha yang belum berumah tangga dan kini merupakan pengkaji sains di Institut Mekanobiologi Singapura NUS telah mendapat sesi wawancara di beberapa universiti terkemuka Amerika Syarikat seperti Harvard dan Yale bagi felo poskedoktoran.

Harapan anak muda ini hanya satu iaitu terus memberikan inspirasi kepada pelajar lain agar tidak henti mengejar impian mereka.

"Setiap kali saya diundang memberikan ucapan di madrasah setempat, saya selalunya akan menerima undangan mereka.

"Ada kalanya sumber yang terdapat di madrasah bagi subjek sains misalnya agak terhad tetapi itu tidak bermaksud minat kita terhadap mata pelajaran itu perlu terkubur sama.

"Kita perlu terus berusaha untuk mengejar impian kita," tambahnya lagi



GIGIH BERUSAHA: Cik Nisha Mohd Rafiq yang berjaya meraih gelaran Doktor Falsafah (Phd) dalam Sains Biologi menasihati pelajar agar terus mengejar impian mereka meskipun ada pelbagai rintangan yang datang. – Foto NUS